



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 83

AKTA PELANTAR BENUA 1966

(Disemak—1972)

Disemak hingga 1hb Jun 1972

Tarikh ditetapkan untuk mula
berkuatkuasa 1hb Ogos 1972

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 13hb Julai 1972

Dikanunkan dalam tahun 1966 sebagai Akta No. 57 Tahun 1966.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 83

AKTA PELANTAR BENUA 1966

(Disemak—1972)

Suatu Akta berhubungan dengan pelantar benua Malaysia, penjelajahannya dan eksploitasi sumber alamnya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[*Malaysia Barat—28hb Julai 1966;*

Malaysia Timur—8hb November 1969.]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pelantar Nama. Benua 1966.

(2) (*Ditinggalkan.*)

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya meng- Tafsiran. hendaki makna yang lain—

“pelantar benua” ertinya dasar laut dan tanah bawah di kawasan bawah laut yang bersempadanan dengan pantai Malaysia tetapi di luar had perairan wilayah Negeri-Negeri, yang permukaannya terletak sedalam tidak lebih daripada dua ratus meter di bawah permukaan laut, atau, jika dalamnya air superjaseen membolehkan eksploitasi sumber alam di kawasan tersebut, di mana-mana tempat yang lebih dalam;

“petroleum” meliputi apa-apa minyak galian atau hidrokarbon relatif dan gas asli yang wujud dalam keadaan semulajadi di dalam lintap, tetapi tidak meliputi arang batu atau batu syal berbitumin atau longgokan berlintap lain daripada mana minyak boleh dikeluarkan dengan cara penyulingan membinasa;

“sumber alam” ertinya—

(a) sumber galian dan sumber alam lain yang tidak hidup di dasar laut dan tanah bawah; dan

- (b) organisma hidup yang termasuk dalam spesies tetap, iaitu, organisma yang, pada peringkat penuaian, sama ada tidak bergerak di atas atau di bawah dasar laut atau tidak boleh bergerak kecuali dengan sentuhan fizikal malar dengan dasar laut atau tanah bawah.

Hak berkenaan dengan pelantar benua.

3. Semua hak berkenaan dengan penjelajahan pelantar benua dan eksploitasi sumber alamnya adalah dengan ini diletakhakkan pada Malaysia dan hendaklah dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perlombongan di dalam pelantar benua.

4. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjelajah, mencarigali atau menggerek atau menjalankan apa-apa operasi bagi mendapatkan petroleum dalam dasar laut atau tanah bawah pelantar benua kecuali di bawah dan mengikut Akta Perlombongan Petroleum 1966.

Akta 95.

(2) Bagi maksud subseksyen-subseksyen yang berikut, ungkapan "galian" hendaklah diertikan sebagai galian selain daripada petroleum.

(3) Tiada sesiapa pun boleh menjelajah, mencarigali atau menggerek atau menjalankan apa-apa operasi bagi mendapatkan galian dalam dasar laut atau tanah bawah pelantar benua kecuali menurut lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen-subseksyen yang berikut.

(4) Menteri boleh dari semasa ke semasa, apabila permohonan dibuat bagi maksud itu, memberi kepada mana-mana orang lesen membenarkan orang itu menjelajah, mencarigali, menggerek dan melombong dan menjalankan operasi bagi mendapatkan galian dari jenis yang tertentu dalam mana-mana kawasan tertentu pelantar benua itu.

(5) Tiap-tiap permohonan untuk lesen dan tiap-tiap lesen yang diberi di bawah subseksyen (4) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada bayaran apa-apa fee dan bayaran-bayaran lain sebagaimana ditetapkan oleh Menteri dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang pada pendapat Menteri, apabila memberikan lesen itu, patut dikenakan dalam hal keadaan tiap-tiap permohonan, yang meliputi, tetapi tanpa menghadkan keluasan makna peruntukan-peruntukan terdahulu

seksyen ini, syarat yang menghendaki pemegang lesen itu—

- (a) mematuhi apa-apa syarat berhubungan dengan keselamatan sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu; dan
- (b) membayar kepada Kerajaan Persekutuan apa-apa royalti sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu berkenaan dengan apa-apa galian yang didapati oleh pemegang lesen itu dari pelantar benua.

(6) Pemberian lesen di bawah subseksyen (4) hendaklah dalam tiap-tiap hal mengikut budi bicara mutlak Menteri dan seberapa banyak lesen boleh diberikan kepada orang yang sama; dan tiap-tiap lesen boleh diberi sedemikian supaya hak di bawahnya akan dinikmati oleh pemegang lesen itu bersama dengan pemegang-pemegang lesen lain yang kepada mereka lesen di bawah subseksyen (4) telah diberi atau akan diberi kemudiannya.

(7) Mana-mana orang yang menjelajah, mencarigali, menggerek atau melombong, atau menjalankan operasi bagi mendapatkan apa-apa galian dalam dasar laut atau tanah bawah pelantar benua melainkan menurut kuasa lesen di bawah subseksyen (4) dan menurut syarat-syarat lesen itu (bukannya sesuatu syarat berhubungan dengan pembayaran royalti kepada Kerajaan Persekutuan) adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau keduanya; dan semua jentera, perkakas, loji, bangunan dan harta lain bersama-sama dengan apa-apa galian atau keluaran lain yang mungkin dijumpai pada atau yang dibuktikan sebagai telah didapati dari kawasan pelantar benua yang dijelajahi, dicarigali atau dilombongi dengan menyalahi undang-undang itu boleh dilucuthak.

5. (1) Tertakluk kepada Akta ini, bagi maksud-maksud Akta ini dan tiap-tiap undang-undang bertulis lain (sama ada dikanunkan sebelum atau selepas Akta ini diluluskan) yang sedang berkuatkuasa di Malaysia—

**Pemakaian
undang-undang
jenayah
dan sivil.**

- (a) tiap-tiap perbuatan atau ketinggalan yang berlaku pada atau di bawah atau di atas, atau

di dalam mana-mana perairan di dalam kawasan lima ratus meter dari apa-apa pemasangan atau alat (sama ada sementara atau tetap) yang dibina, ditegakkan, ditempatkan atau digunakan dalam, pada, atau di atas pelantar benua berkaitan dengan penjelajahan pelantar benua itu atau eksploitasi sumber alamnya hendaklah disifatkan sebagai berlaku di Malaysia; dan

- (b) tiap-tiap pemasangan atau alat dan mana-mana perairan di dalam kawasan lima ratus meter dari sesuatu pemasangan atau alat yang tersebut dahulu hendaklah disifatkan sebagai terletak di Malaysia, dan bagi maksud bidang kuasa hendaklah disifatkan sebagai terletak di bahagian Malaysia yang lebih daripada tikas air tinggi pada pasang perbani biasa yang hampir sekali dengan pemasangan atau alat itu; dan
- (c) tiap-tiap mahkamah di Malaysia yang akan mempunyai bidang kuasa (sama ada sivil atau jenayah) berkenaan dengan perbuatan atau ketinggalan itu jika ianya berlaku di Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa yang sewajarnya; dan
- (d) tiap-tiap kuasa menangkap atau memasuki atau menggeledah atau merampas atau kuasa lain yang boleh dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis (sama ada dikanunkan sebelum atau selepas Akta ini diluluskan) berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan atau perbuatan atau ketinggalan yang disyaki jika ia telah berlaku atau disyaki sebagai telah berlaku di Malaysia boleh dijalankan ke atas atau berkenaan dengan apa-apa pemasangan atau alat atau mana-mana perairan di dalam kawasan lima ratus meter daripadanya seolah-olah pemasangan atau alat atau perairan itu berada di Malaysia; dan
- (e) tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967, tiap-tiap pemasangan atau alat, dan apa-apa bahan atau bahagian yang digunakan dalam pembinaan sesuatu pemasangan atau alat, yang dibawa ke dalam perairan di atas pelantar benua dari bahagian laut yang

lebih jauh lagi hendaklah disifatkan sebagai telah diimport pada masa pemasangan atau alat itu dibina, ditegakkan, atau ditempatkan dalam, pada, atau di atas pelantar benua berkaitan dengan penjelajahan pelantar benua itu atau eksploitasi sumber alamnya.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa, dengan perintah—

(a) mengubahsuai atau mengecualikan mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis (sama ada dikanunkan sebelum atau selepas Akta ini diluluskan) setakat mana yang perlu bagi maksud memberi kuatkuasa yang penuh kepada subseksyen (1);

(b) mengisytiharkan bahawa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis (sama ada dikanunkan sebelum atau selepas Akta ini diluluskan), dengan apa-apa pengubahsuaian atau pengecualian yang difikirkannya patut, adalah terpakai berkenaan dengan pelantar benua atau mana-mana bahagiannya yang tertentu, atau terhadap perbuatan atau ketinggalan yang berlaku dalam, pada, atau di atas pelantar benua atau mana-mana bahagiannya yang tertentu, berkaitan dengan penjelajahan pelantar benua atau bahagian itu atau eksploitasi sumber alamnya, dan sesudah itu peruntukan undang-undang bertulis itu, dengan pengubahsuaian dan pengecualian tersebut, adalah terpakai seolah-olah pelantar benua atau bahagiannya itu berada dalam Malaysia.

(3) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh menghadkan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan liabiliti seseorang berkenaan dengan perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan di luar Malaysia atau bidang kuasa mana-mana mahkamah di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu.

(4) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, prosiding bagi perbicaraan dan hukuman ke atas mana-mana orang yang dipertuduh melakukan sesuatu kesalahan berkenaan dengannya mahkamah di Malaysia mempunyai bidang

kuasa hanya menurut kuasa seksyen ini sahaja tidak boleh dimulakan di mana-mana mahkamah kecuali dengan izin Pendakwa Raya :

Dengan syarat bahawa seseorang yang dipertuduh sedemikian boleh ditangkap atau suatu waran bagi menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan mana-mana orang itu boleh ditahan dalam jagaan atau dibebaskan atas jaminan, walaupun izin Pendakwa Raya bagi memulakan pendakwaan bagi kesalahan itu belum lagi diperolehi, tetapi kes itu tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga izin itu telah diperolehi.

(5) Dalam seksyen ini istilah "alat" meliputi mana-mana kapal, pelantar terapung, atau pesawat udara yang digunakan berkaitan dengan apa-apa pemasangan atau alat.

Peraturan-peraturan.

6. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi—

- (a) mengawal pembinaan, penegakan, atau penggunaan pemasangan atau alat dalam, pada, atau di atas pelantar benua, atau mana-mana bahagiannya yang tertentu, yang berkaitan dengan penjelajahan pelantar benua atau bahagiannya itu atau eksploitasi sumber alamnya;
- (b) melarang pembinaan, penegakan, penempatan, atau penggunaan pemasangan atau alat dalam, pada, atau di atas pelantar benua di tempat di mana ia boleh menyebabkan gangguan terhadap penggunaan alur laut yang diiktiraf yang perlu bagi pelayaran sepanjang pantai atau pelayaran antarabangsa;
- (c) mengadakan zon keselamatan, yang meluas ke suatu jarak tidak lebih daripada lima ratus meter diukur daripada tiap-tiap hujung pinggir luar pemasangan atau alat, di sekeliling mana-mana pemasangan atau alat itu dalam, pada, atau di atas pelantar benua itu;
- (d) menetapkan apa-apa tindakan yang difikirkannya perlu dalam mana-mana zon keselamatan itu bagi melindungi pemasangan atau alat yang berkenaan dengannya zon keselamatan itu diadakan;

- (e) mengawal atau melarang kemasukan kapal ke dalam mana-mana zon keselamatan itu;
- (f) menetapkan tindakan yang akan diambil dalam mana-mana zon keselamatan itu bagi melindungi sumber hidupan laut dan sumber alam pelantar benua daripada agen yang merosakkan;
- (g) menetapkan notis yang akan diberi mengenai pembinaan, penegakan, atau penempatan pemasangan atau alat dalam, pada, atau di atas pelantar benua;
- (h) menetapkan alat yang tetap yang akan dipasang bagi maksud memberi amaran kepada perkapalan atau pesawat udara tentang adanya pemasangan atau alat dalam, pada, atau di atas pelantar benua;
- (i) memperuntukkan bagi pemindahan pemasangan atau alat yang dibina, ditegakkan, atau ditempatkan dalam, pada, atau di atas pelantar benua yang ditinggalkan atau tidak digunakan;
- (j) melarang atau menyekat apa-apa penjelajahan pelantar benua atau mana-mana bahagiannya yang tertentu atau apa-apa eksploitasi sumber alamnya yang pada pendapat Yang di-Pertuan Agong boleh mengakibatkan apa-apa gangguan yang tidak berjustifikasi terhadap pelayaran, penangkapan ikan, atau pemeliharaan sumber hidupan laut, atau yang boleh menjejaskan pertahanan negara atau penyelidikan oseanografi atau penyelidikan sains lain atau kabel atau saluran paip bawah laut;
- (k) memperuntukkan apa-apa perkara yang perlu bagi kuatkuasa sepenuhnya Akta ini dan bagi pentadbiran wajarnya; dan
- (l) menetapkan penalti yang tidak lebih daripada lima ribu ringgit kerana melanggar peraturan-peraturan.

(2) Dalam seksyen ini istilah "pelantar benua" meliputi dasar laut dan tanah bawah bagi kawasan bawah laut dalam had perairan wilayah bagi Negeri-Negeri:

Dengan syarat bahawa tiada apa pun dalam seksyen ini boleh menyentuh hak dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah undang-undang tanah berkenaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kawasan dalam had perairan wilayah Negeri itu.

Kecualian.

7. (1) Mana-mana lesen mencarigali, pajakan atau perjanjian lombong yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak sebelum sahaja 8hb November 1969, bagi menjelajah, mencarigali atau melombong galian selain daripada petroleum pada pelantar benua hendaklah terus berkuatkuasa tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4).

(2) Semua hak yang terakru atau kena diberi kepada dan semua liabiliti dan kewajipan yang dikenakan ke atas atau ditanggung oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak di bawah atau menurut kuasa mana-mana lesen mencarigali, pajakan atau perjanjian lombong yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah terakru dan kena diberi kepada dan hendaklah dikenakan ke atas dan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

(3) Peruntukan lesen mencarigali, pajakan atau perjanjian lombong yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah ditafsirkan sebagai tertakluk kepada Akta ini.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh pada bila-bila masa sebelum 31hb Disember 1972, dengan perintah membuat apa-apa peruntukan peralihan atau kecualian yang selanjutnya sebagaimana difikirkannya perlu atau mustahak.